

Laluan hutan untuk trek sukan berkuda dimaju

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad - Kerajaan mahu membangunkan laluan dalam hutan di antara Selangor dan Pahang untuk dijadikan trek bagi kegiatan sukan berkuda, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, laluan sedia ada itu yang dulunya digunakan sebagai laluan pergi/balik di antara Pahang dan Selangor, didapati amat sesuai untuk sukan lasak berkuda dan kerajaan sedang memikirkan kaedah bagi membangunkannya semula.

Malah katanya, kerajaan juga sedang meninjau sama ada laluan bawah tanah di Janda Raik serta kawasan gua, selain beberapa kawasan lain boleh dibangunkan sebagai pusat kegiatan sukan berkuda.

"Kita akan mempromosikan sukan berkuda ini secara perlahan-lahan dengan pelbagai jenis lumba kuda," katanya selepas menyampaikan hadiah pada kejohanan Sukan Berkuda Antarabangsa 100 tahun Kelab Polo dan Menung-

gang Kuda Selangor (SPRC) di Ampang Hilir, dekat sini hari ini.

Pada kejohanan itu, tiga ekuin negara yang bakal bersaing di Sukan Asia di Busan Oktober ini, terus unggul apabila menguasai saingan terakhir acara show jumping World Cup Grand Prix dengan mengepikan cabaran ekuin dari Filipina, Thailand dan Sweden. Syed Omar Syed Abu Bakar muncul juara, diikuti Azni Md Azar dan Qabil Ambak.

Dr Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan prestasi tiga anak tempatan itu yang bakal dipilih ke Busan, Korea Selatan nanti dan berharap lebih ramai lagi anak tempatan membabitkan diri dalam sukan berkuda.

Heliau berkata, banyak acara lumba kuda antarabangsa diadakan di negara ini di samping perlumbaan tempatan turut menyertai kejohanan itu di luar negara.

Sementara itu, dalam perutusannya pada bucu cendera mata sempena kejohanan terbabit, Dr Mahathir mengucapkan tahniah

kepada SPRC kerana berjaya menganjurkan kejohanan itu sejak Khamis lalu.

"Saya berharap peserta negara akan berusaha menunjukkan kecekapan mereka untuk mencapai kejayaan dalam kejohanan ini seperti ditunjukkan pada Sukan Sea XXI tahun lalu.

"Saya yakin kejohanan ini akan dapat menyemarakkan lagi nama negara sebagai pusat sukan berkuda yang terkenal di rantau ini," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sentiasa memberi sokongan dan galakan penuh untuk program meningkatkan sukan equestrian di negara ini.

Katanya, sukan equestrian itu bukan saja boleh menjadi sukan kegemaran rakyat jelata jika dipromosikan dengan betul, malah boleh menjadi sukan yang popular seperti sukan-sukan lain.

Dalam hubungan ini katanya, kerajaan sedang berusaha untuk menjadikan negara ini sebagai pusat equestrian yang lengkap, canggih dan popular di rantau Asia Tenggara.